

TEMA 8 : EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Unit 22 : Menjanakan Ekonomi

Aktiviti **PAK-21** *Gallery Walk*

Arahan:

- 1 Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- 2 Setiap kumpulan diberikan tugas.
- 3 Guru memberi kertas mahjong kepada setiap kumpulan untuk mencatat idea.
- 4 Guru perlu memberikan tugas yang bertemakan ekonomi, keusahawanan dan pengurusan kewangan.
- 5 Hasil kerja setiap kumpulan perlu ditampal pada papan kenyataan kelas atau dinding.
- 6 Setiap kumpulan perlu berjalan secara kumpulan dan melihat hasil kerja kumpulan lain.
- 7 Kemudian, setiap kumpulan perlu memberikan komen pada *sticky notes* dan lekatkan pada kertas mahjong kumpulan lain.

Unit 23 : Usahawan Kita

Aktiviti PAK-21 H Kerja Berpasukan

Arahan:

- 1 Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- 2 Setiap kumpulan dikehendaki membuka gerai jualan pada Hari Keusahawanan.
- 3 Setiap kumpulan diberikan masa untuk membuat persediaan.
- 4 Setiap kumpulan akan membuat pembentangan mengenai keuntungan dan cabaran ketika jualan berlangsung.
- 5 Guru akan menilai dan memberi markah.

Contoh-contoh gerai jualan yang boleh membantu murid-murid.

